

25/02/2003

Peka konflik dunia

PERTUBUHAN Palang Merah Antarabangsa (ICRC) menyifatkan ucapan Datuk Seri

Dr Mahathir Mohamad pada perasmian sidang kemuncak NAM semalam menepati situasi sebenar yang berlaku di kawasan konflik di seluruh dunia.

Naib Presidennya, Eric Rothlisberger, berkata Perdana Menteri mengemukakan bentuk cabaran yang dihadapi masyarakat dunia dalam memastikan Undang-Undang Kemanusiaan Antarabangsa dipatuhi semua pihak.

Pada sidang akhbar di Pusat Media Antarabangsa semalam, beliau berkata, isu yang disentuh Dr Mahathir turut ditekankan pada Persidangan Geneva dan Protokol Geneva.